

23/05/2000

Dr M mahu barangan elektrik berdaya saing

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia tidak mahu bergantung kepada perlindungan cukai untuk membolehkan barangan elektrik keperluan rumah keluaran negara menguasai pasaran tempatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, pengeluar tempatan perlu mengeluarkan barangan bermutu serta berdaya saing untuk membolehkan barangan mereka menembusi pasaran tempatan dan eksport.

"Kita tidak memberi banyak perlindungan pada barangan elektrik, berbanding industri kereta. Kereta besar dikenakan cukai sehingga 300 peratus," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Penganjur Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, industri barangan elektrik berkembang pesat dan pengeluar tempatan boleh menumpukan pasaran di negara membangun yang sudah meningkat kuasa membelinya.

"Saya nampak ada ruang untuk kita masuk terutama di negara yang baru membangun. Rakyat mereka sudah mula mendapat pendapatan yang meningkat dan mereka mampu beli lebih banyak barangan keperluan rumah," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, tiada sebab kenapa barangan keperluan rumah buatan tempatan harus ketinggalan dengan barangan buatan asing kerana Malaysia sudah mampu menghasilkan kereta bertaraf dunia.

"Kita hendak supaya barangan seperti penghawa dingin, peti sejuk, ketuhar dan barangan lain buatan Malaysia setaraf dari segi mutu dan kecanggihannya dengan barangan buatan luar negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa menggalakkan usaha mengeluarkan barangan tempatan kerana mahu barangan itu dimiliki oleh rakyat negara ini dan tidak perlu lagi bergantung kepada barangan asing.

Dr Mahathir berkata, barangan keperluan rumah diperlukan sepanjang masa walaupun negara kini memasuki zaman era teknologi maklumat.

"Apabila rakyat semakin kaya, permintaan bagi barangan ini akan terus meningkat kerana mereka sering inginkan barangan yang lebih canggih dan menarik," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta pengeluar tempatan memberi penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan kecanggihan barangan mereka dan mampu bersaing di luar negara.

"Banyak lagi inovasi boleh dibuat supaya barangan jenama Malaysia dapat menandingi kecantikan dan kecanggihan barangan di luar negara," katanya.

(END)